

# SKIM PERKHIDMATAN KESIHATAN PELAJAR

(pindaan 2013)



ISO 9001:2008 No. Sijil KLR 0500390



# KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>	
1.0	PENDAHULUAN	1
2.0	DEFINISI	1
3.0	PEMERIKSAAN KESIHATAN UNTUK PELAJAR DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	3
4.0	YURAN SKIM PERKHIDMATAN KESIHATAN	5
5.0	KEMUDAHAN RAWATAN PERUBATAN DAN PERGIGIAN	6
6.0	KEMUDAHAN RAWATAN PAKAR	9
7.0	SIJIL CUTI SAKIT	9
8.0	RAWATAN YANG TIDAK DITANGGUNG OLEH UNIVERSITI	10
9.0	RAWATAN DI LUAR NEGARA	11
10.0	KUASA UNIVERSITI	11

## **1. PENDAHULUAN**

Universiti Teknologi MARA menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan dan pergigian untuk semua pelajar sepanjang tempoh pengajian di bawah skim yang dinamakan Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar. Perkhidmatan ini meliputi kemudahan rawatan yang disediakan di kampus-kampus UiTM dan di hospital/klirik kerajaan di Malaysia.

UiTM telah menubuhkan klinik kesihatannya sendiri di kampus induk dan di kampus-kampus negeri. Klinik-klinik ini dikendalikan oleh kakitangan profesional dan kakitangan sokongan yang terlatih.

Dalam beberapa keadaan tertentu dimana pelajar tidak dapat dirawat oleh Klinik UiTM, para pelajar akan dirujuk ke hospital-hospital kerajaan. Kos rawatan akan ditanggung oleh pihak Universiti mengikut ketetapan dalam skim ini.

## **2. DEFINISI**

Dalam skim ini:

### **2.1. Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar**

bermaksud kemudahan kesihatan dan pergigian untuk pelajar UiTM yang ditanggung oleh Universiti selepas pelajar menyertai skim ini.

### **2.2. Pelajar**

dalam skim ini bermaksud individu yang didaftarkan sebagai Pelajar Sepenuh Masa Universiti Teknologi MARA.

### **2.3. Pelajar Sepenuh Masa**

bermaksud pelajar yang mendaftar dengan universiti untuk mengikuti program pengajian yang ditawarkan setelah membayar yuran pengajian dan mendaftar kursus secara sepenuh masa.

### **2.4. Pelajar Tamat Pengajian**

bermaksud pelajar yang telah tamat tempoh pengajiannya di UiTM iaitu sehingga keputusan peperiksaan akhir disahkan oleh Jawatankuasa Mesyuarat Senat.

### **2.5. Hospital/Klinik Kerajaan**

bermaksud hospital/klirik-klirik kerajaan, Hospital Universiti, Institut Jantung Negara dan Hospital Angkatan Tentera di Malaysia.

## **2.6. Hospital Swasta**

bermaksud semua hospital/klirik swasta termasuk 'private wing' di hospital kerajaan dan hospital universiti.

## **2.7. Pegawai Perubatan Universiti**

bermaksud Pegawai Perubatan bertauliah dan berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia yang dilantik untuk berkhidmat dengan UiTM.

## **2.8. Pegawai Pergigian Universiti**

bermaksud Pegawai Pergigian bertauliah dan berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia yang dilantik untuk berkhidmat dengan UiTM.

## **2.9. Pegawai Perubatan Kerajaan**

bermaksud Pegawai Perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia dan berkhidmat dengan hospital kerajaan.

## **2.10. Pegawai Perubatan Swasta**

bermaksud Pegawai Perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia dan berkhidmat dengan agensi swasta.

## **2.11. Kes Kecemasan**

bermaksud sebarang kes yang berkaitan dengan kecederaan dan kemalangan yang serius, kesakitan yang teramat sangat, demam panas yang terlalu tinggi (melebihi 39 darjah celcius), kesukaran untuk bernafas, perdarahan yang serius, tidak sedarkan diri dan keadaan pesakit mengganggu ketenteraman orang lain atau membahayakan dirinya dan orang lain.

## **2.12. Wakil Timbalan Naib Canselor HEP**

bermaksud Pengarah Pusat Kesihatan UiTM.

### **3. PEMERIKSAAN KESIHATAN UNTUK PELAJAR DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

#### **3.1. Pemeriksaan Kesihatan Pelajar**

Seseorang calon yang berjaya mendapat tempat untuk menuntut di Universiti ini adalah diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dan disahkan status kesihatannya.

#### **3.2. Pegawai Perubatan Yang Layak Memeriksa**

Pemeriksaan Kesihatan Pelajar ini hendaklah dibuat dan disahkan oleh mana-mana Pegawai Perubatan Kerajaan atau Swasta dengan menggunakan borang Universiti BPP-03(Pin.06). Borang ini mesti dilengkapi dengan satu filem X-ray posisi dada tegak posterior-anterior yang bertarikh tidak melebihi **Enam ( 6 ) bulan** dari tarikh pendaftaran.

#### **3.3. Bayaran Pemeriksaan**

Segala bayaran yang dikenakan ke atas calon semasa menjalani pemeriksaan kemasukan ini **tidak ditanggung** oleh Universiti.

### **3.4. Hak Universiti**

- 3.4.1. Adalah menjadi tugas Pegawai Perubatan Universiti untuk menyemak dan mengesahkan kesihatan pelajar berdasarkan bukti pemeriksaan di para 3.2 yang kesihatan calon adalah sesuai untuk ia belajar di Universiti ini.
- 3.4.2. Pegawai Perubatan Universiti berhak untuk membatalkan pengesahan mana-mana Pegawai Perubatan yang telah memeriksa calon, sesuai dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh Universiti. Keputusan ini boleh dibuat samada berdasarkan semakan atau Pegawai Perubatan Universiti sendiri membuat pemeriksaan semula dan ujian ke atas calon.
- 3.4.3. Apabila terdapat sebarang keraguan dari bukti pemeriksaan, Pegawai Perubatan Universiti berhak pada bila-bila masa, sebelum atau selepas calon didaftarkan sebagai pelajar, menjalankan pemeriksaan dan ujian ke atas calon ini dan membuat pengesahan yang baru.
- 3.4.4. Calon-calon yang dikesan terlibat dengan dadah sebelum didaftarkan sebagai pelajar akan secara automatik digugurkan dari pelajar Universiti.

## 4. YURAN SKIM PERKHIDMATAN KESIHATAN

### 4.1. Syarat Menyertai Skim:

#### 4.1.1. Kelayakan Menyertai Skim

Skim ini disediakan untuk pelajar UiTM sepenuh masa warganegara Malaysia sahaja. Pelajar Antarabangsa tidak layak menyertai skim ini.

#### 4.1.2. Bayaran wajib

Semua pelajar diwajibkan membayar yuran perkhidmatan kesihatan sebelum menyertai skim ini.

Kadar bayaran yuran yang ditetapkan bagi satu semester adalah seperti dinyatakan pada jadual dibawah. Kadar ini kekal sehingga ianya disemak semula oleh pihak Universiti.

PELAJAR	YURAN PERKHIDMATAN KESIHATAN
Pelajar Peringkat Sijil, Pra, Asasi, Diploma Dan Ijazah	RM 40.00 per semester
Pelajar Pasca Siswazah Tempatan	RM 60.00 per semester

#### 4.1.3. Cara Pembayaran

Pelajar dikehendaki membayar terus kepada pihak Bendahari Universiti.

### 4.2. Syarat-syarat terkeluar dari Skim:

Pelajar-pelajar yang tamat pengajian secara automatik adalah terkeluar dari skim ini.



## **5. KEMUDAHAN RAWATAN PERUBATAN DAN PERGIGIAN**

### **5.1. Rawatan Pesakit Luar Perubatan**

UiTM menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan dalam kampus yang dikendalikan oleh staf UiTM. Semua pelajar sepenuh masa yang memasuki skim ini adalah layak untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan ini mengikut jadual perkhidmatan yang ditetapkan oleh Pusat Kesihatan UiTM di Shah Alam dan Unit Kesihatan di kampus-kampus negeri.

### **5.2. Rawatan Pergigian**

Semua pelajar sepenuh masa yang menyertai skim ini adalah layak untuk mendapatkan kemudahan rawatan pergigian di kampus-kampus yang menyediakan perkhidmatan ini dan di hospital-hospital kerajaan.

### **5.3. Rawatan Kes Kecemasan**

Kemudahan rawatan kecemasan juga disediakan dalam kampus pada waktu klinik beroperasi. Selepas waktu klinik, kes-kes kecemasan akan diuruskan oleh Pegawai Pembangunan Pelajar untuk dibawa ke hospital berdekatan.

### **5.4. Kemudahan Makmal**

Kemudahan makmal perubatan disediakan di Pusat Kesihatan UiTM dan hospital kerajaan yang dirujuk oleh Pegawai Perubatan Universiti. Kemudahan ini ditanggung oleh Universiti KECUALI ujian makmal yang dijalankan untuk tujuan saringan dan pemeriksaan kesihatan (medical check-up).

## **5.5. Kemudahan Ambulan**

### **5.5.1. Kenderaan Kecemasan**

Universiti menyediakan kemudahan pengangkutan untuk semua kes kecemasan selama 24 (Dua Puluh Empat) jam sehari sepanjang semester. Semasa cuti semester, kemudahan kenderaan ini terhad semasa waktu klinik beroperasi sahaja.

### **5.5.2. Perbelanjaan Pengangkutan**

Perbelanjaan pengangkutan menggunakan kenderaan yang disediakan oleh Universiti ini akan ditanggung oleh Universiti. Pihak Universiti tidak akan menanggung sebarang perbelanjaan pengangkutan dengan kenderaan lain.

### **5.5.3. Kemudahan ambulan yang tidak ditanggung**

Kemudahan ambulan UiTM tidak disediakan untuk kes-kes 'AOR (At Own Risk) discharge'. Ambulan UiTM juga tidak boleh digunakan untuk membawa jenazah.

## 5.6. Kemudahan Kelayakan Wad

### 5.6.1. Klinik UiTM

Klinik UiTM menyediakan kemudahan wad pemerhatian bagi kes-kes yang dirasakan perlu oleh Pegawai Perubatan Universiti untuk rawatan lanjut.

### 5.6.2. Hospital Kerajaan

Universiti akan menanggung perbelanjaan kemudahan rawatan pelajar di mana-mana hospital kerajaan. Di hospital-hospital kerajaan, pelajar berkelayakan tinggal di Wad Kelas 2 (Dua) atau lebih rendah. Universiti tidak akan menanggung apa-apa bayaran bagi kelas yang lebih tinggi dari Kelas 2 (Dua) kecuali di Hospital Putrajaya, pelajar layak ditanggung di wad kelas 1 (Satu) 4 katil sehingga diwujudkan Kelas 3 dan ke bawah.

#### 5.6.2.1. Surat Jaminan

Seseorang pelajar atau warisnya boleh mendapat Surat Akuan "Guarantee Letter" dari Klinik Kesihatan UiTM dan Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP).

Sah laku Surat Akuan adalah 1 (satu) bulan dari tarikh ianya dikeluarkan.

#### 5.6.2.2. Kos Bayaran Yang Ditanggung Oleh Universiti

Had maksimum pembiayaan rawatan yang ditanggung oleh universiti di hospital-hospital kerajaan dihadkan kepada **RM 5,000.00 setahun dan dikekalkan tidak melebihi RM 15,000.00 sepanjang pengajiannya.**

Kos tersebut termasuk bayaran pendaftaran, semua jenis pemeriksaan makmal dan X-Ray, rawatan, peralatan gantian anggota, ubat-ubatan, pembedahan dan bayaran wad **kecuali yang termasuk dalam perkara (8).**

### **5.6.2.3. Mendahulukan Pembayaran**

Pembayaran kos rawatan di hospital yang terpaksa didahulukan oleh pelajar boleh dituntut dari Universiti dengan mengemukakan resit-resit asal kepada Klinik Kesihatan UiTM.

### **5.6.3. Hospital Swasta**

Universiti **tidak akan menanggung** apa-apa jenis bayaran bagi rawatan atau wad di Hospital Swasta.

## **6. KEMUDAHAN RAWATAN PAKAR**

Pelajar yang memerlukan rawatan pakar dirujuk oleh Pegawai Perubatan Universiti atau Pegawai Perubatan Kerajaan kepada pakar-pakar di hospital kerajaan sahaja.

## **7. SIJIL CUTI SAKIT**

### **7.1. Semasa Minggu Bekerja**

Sijil Cuti Sakit boleh didapati dari Klinik UiTM dan hospital kerajaan. Sijil cuti sakit dari Klinik UiTM akan dikeluarkan oleh Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian Universiti untuk pelajar yang layak.

### **7.2. Pengesahan Sijil Cuti Sakit Swasta**

Sijil cuti sakit yang dikeluarkan oleh klinik swasta tidak boleh disahkan oleh Pegawai Perubatan Universiti.

### **7.3. Semasa Peperiksaan**

Semasa peperiksaan, peraturan sijil cuti sakit pelajar tertakluk kepada Peraturan Akademik.

## **8. RAWATAN YANG TIDAK DITANGGUNG OLEH UNIVERSITI**

- 8.1. Rawatan ubat-ubatan dan peralatan untuk pencegahan kehamilan, kemandulan dan kesuburan.
- 8.2. Alat-alatan gantian anggota seperti gigi palsu, korona/jambatan/implant gigi untuk tujuan kosmetik
- 8.3. Rawatan perubatan dan pembedahan dengan tujuan kosmetik dan ritual, melainkan dalam keadaan dimana Pegawai Perubatan Universiti berpendapat rawatan itu diperlukan untuk mengurangkan risiko kepada pesakit.
- 8.4. Rawatan dan pemeriksaan berkaitan dengan mengandung dan bersalin samada dalam keadaan normal ataupun tidak normal.
- 8.5. Rawatan imunisasi samada untuk tujuan pelalian biasa ataupun untuk keadaan wajib seperti imunisasi sebelum pergi keluar negara, imunisasi semasa wabak dan sebagainya, kecuali suntikan ATT dan yang diberi oleh Universiti.
- 8.6. Perbelanjaan rawatan perubatan alternatif.
- 8.7. Perbelanjaan rawatan di Hospital Swasta.
- 8.8. Perbelanjaan rawatan di luar negara.
- 8.9. Ubat-ubatan yang di beli dari Farmasi melainkan yang mempunyai preskripsi dari Pegawai Perubatan Universiti.
- 8.10. Rawatan Otodontik di Hospital Kerajaan / Klinik Swasta.

## **9. RAWATAN DI LUAR NEGARA**

Rawatan perubatan dan pergigian bagi pelajar di luar Negara tidak akan ditanggung.

Penganjur dinasihatkan untuk menguruskan insurans perubatan untuk pelajar yang menyertai aktiviti ke luar negara.

## **10. KUASA UNIVERSITI**

Timbalan Naib Canselor HEP atau wakilnya adalah diberi kuasa untuk membuat sebarang keputusan bagi kes-kes lain yang tidak dinyatakan oleh peraturan-peraturan di atas.

Kelulusan pindaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan ke-181: Tarikh berkuatkuasa 01 Januari 2013.





**HAK CIPTA TERPELIHARA  
PUSAT KESIHATAN**

Jalan Bijak, Seksyen 1, Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor

TEL: 03-5544 3630 FAKS: 03-5544 3634

Laman Sesawang : <http://pusatkesihatan.uitm.edu.my>